

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN
[MUAR]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan membentangkan rancangan Malaysia menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050 sepertimana yang telah diumumkan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) misalnya dengan dasar '*carbon pricing*' dan cukai karbon.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-12 di Parlimen, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan aspirasi negara untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar (net-zero GHG emissions) seawal-awalnya pada tahun 2050. YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan bahawa pencapaian aspirasi ini adalah tertakluk kepada penyediaan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long-term Low Emissions Development Strategies – LT-LEDS*) yang akan dimuktamadkan pada tahun 2022.
2. Selain pelaksanaan tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG oleh sektor-sektor ekonomi, YAB Perdana Menteri juga turut mengumumkan bahawa pencapaian aspirasi pelepasan GHG bersih sifar negara akan disokong oleh pelaksanaan mekanisme penetapan harga karbon atau '*carbon pricing mechanism*'.
3. Mekanisme '*carbon pricing*' merupakan kaedah ekonomi yang memanfaatkan pasaran untuk menjana insentif kewangan bagi menyokong usaha pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di peringkat swasta atau di peringkat nasional. Antara inisiatif yang sering digunakan oleh sesebuah negara di bawah mekanisme '*carbon pricing*' adalah pelaksanaan cukai karbon dan pelaksanaan skim perdagangan karbon di peringkat domestik (*domestic emissions trading scheme*).
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jemaah Menteri pada 17 September 2021 telah bersetuju dengan pembangunan dasar carbon pricing negara yang merangkumi panduan pasaran karbon sukarela antarabangsa (*Voluntary Carbon Market – VCM*) dan pembangunan skim perdagangan karbon peringkat domestik (*domestic emissions trading scheme – DETS*). Pembangunan panduan VCM oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air adalah sebagai panduan umum kepada mana-mana entiti di dalam negara yang ingin terlibat dengan pasaran VCM antarabangsa. Panduan VCM dibangunkan oleh KASA bertujuan untuk memastikan kepentingan negara dalam pelaporan perubahan iklim dan komitmen pengurangan pelepasan

GHG negara tidak terjejas. Melalui Panduan VCM ini, mana-mana pihak termasuk pihak swasta yang terlibat hendaklah melaporkan maklumat berkaitan projek karbon yang dilaksanakan kepada KASA.

5. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim (MyCAC Bil 2/2021) pada 11 Oktober 2021 telah bersetuju dengan pembangunan Pasaran Karbon Sukarela (Voluntary Carbon Market-VCM) Domestik sebagai peralihan kepada skim Perdagangan Karbon Peringkat Domestik atau *Domestic Emission Trading Scheme* (DETS) yang akan dilaksanakan oleh KASA dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia. Pelaksanaan skim ini akan melibatkan pembangunan platform tunggal bagi transaksi kredit karbon di peringkat domestik. Pihak swasta boleh memanfaatkan DETS bagi melaksanakan urusan niaga kredit karbon di peringkat domestik bagi menggalakkan peralihan industri kepada aktiviti rendah karbon dan menarik pelaburan hijau. Kerajaan menjangkakan dengan pelaksanaan mekanisme *carbon pricing* seperti DETS oleh Malaysia akan meningkatkan keupayaan pemain industri dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

6. Pembangunan VCM Domestik/DETS adalah merangkumi satu platform tunggal bagi urusan niaga kredit karbon di peringkat domestik secara berfasa. Fasa pertama DETS yang dijangka bermula pada tahun 2022 adalah melibatkan pelaksanaan VCM di peringkat domestik. Antara perkara yang terlibat di bawah fasa pertama DETS adalah mendapatkan dengan izin *buy-in* daripada kerajaan negeri dan potensi pembeli kredit karbon, rekaan pasaran, kerjasama dengan piawaian antarabangsa serta registri.

7. Fasa kedua DETS pula dijangka bermula seawal-awalnya pada tahun 2024 dan akan melibatkan pelaksanaan pasaran karbon pematuhan (*compliance*) di peringkat domestik. Bagi pelaksanaan fasa kedua DETS, Kementerian Alam Sekitar dan Air dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia akan membangunkan mekanisme pelaksanaan DETS yang akan menyokong usaha ke arah pencapaian sasaran NDC negara kepada Perjanjian Paris sekaligus menyokong agenda perubahan iklim negara.

Sekian, terima kasih.